

**MANUAL PENGGUNA
APLIKASI MyGEOMAP
 PENGGUNA AWAM (BERDAFTAR)**


KANDUNGAN**PENGGUNA AWAM (BERDAFTAR)**

1.0	PENGENALAN.....	3
2.0	DAFTAR PENGGUNA BARU	5
2.1	LOG MASUK.....	8
2.2	PROFIL PENGGUNA	10
2.3	TUKAR KATA LALUAN	11
2.4	LUPA KATA LALUAN.....	12
3.0	MENU	15
3.1	GALERI PETA ASAS.....	15
3.2	KATEGORI DATA	18
3.3	ALATAN.....	22
3.3.1	Lukis.....	23
3.3.2	Penanda Lokasi.....	25
3.3.3	Ukur.....	28
3.3.4	Cetak.....	30
3.3.5	Muatnaik Fail.....	33
3.4	PETUNJUK ARAH.....	37
3.5	TAMBAH TEMPAT.....	40
3.6	CARIAN LOKASI	45
3.7	MAKLUMAT	48
3.8	MAKLUMBALAS	50
3.9	PETUNJUK.....	51
4.0	DWI BAHASA	52
5.0	LOG KELUAR.....	54


1.0 PENGENALAN

Untuk akses ke aplikasi MyGeoMap, pengguna perlu menggunakan pelayar web (*Web Browser*) Google Chrome, Mozilla atau Internet Explorer dengan menaip alamat web (URL) seperti berikut :

1. <http://www.mygeomap.gov.my>
2. Halaman utama aplikasi MyGeoMap akan dipaparkan.




3. Tab PENAFIAN terdiri daripada maklumat berkenaan penggunaan maklumat dalam aplikasi ini.
4. Tab MAKLUMAT adalah pengenalan berkenaan aplikasi MyGeoMap. Klik pada pautan Manual Pengguna untuk bantuan penggunaan aplikasi MyGeoMap.
5. Tab PENGHARGAAN merupakan senarai agensi yang terlibat dengan aplikasi MyGeoMap.
6. Tandakan ✓ pada kotak ‘Saya setuju dengan terma dan syarat di atas’.
7. Klik butang OK.



2.0 DAFTAR PENGGUNA BARU

Pengguna yang pertama kali menggunakan aplikasi MyGeoMap ini perlu mendaftar akaun pengguna terlebih dahulu untuk menggunakan fungsi Maklumbalas dan Tambah Tempat. Daftar akaun pengguna baru adalah seperti berikut :

1. Klik pada Log Masuk yang berada di bahagian atas paling kanan menu.
2. Pada paparan log masuk untuk akses, klik pautan Pengguna baru.



3. Masukkan maklumat-maklumat yang diperlukan seperti dalam paparan.
4. Klik butang Daftar Akaun selepas semua ruangan wajib diisi.

Daftar Akaun Pengguna

Nama Penuh*

E-mel*

Kata Laluan *

Sahkan Kata Laluan*

Teks Imej Captcha*

Daftar akaun (Red circle 4) **Batal** (Red circle 3)

*Semua ruangan wajib

Telah daftar? Daftar masuk disini

5. Paparan notifikasi pemberitahuan pendaftaran akaun pengguna baru telah berjaya.
6. Paparan emel pengesahan pendaftaran akaun pengguna.
7. Klik pautan *Login* untuk mengaktifkan akaun pengguna.



5

Pendaftaran baru untuk 1MM / New Registration for 1MM Inbox x

administrator1mm@macgdi.gov.my 10:04 AM (2 minutes ago)

to me Turn off for: Malay x

Malay ▾ > English ▾ Translate message

Terima kasih kerana mendaftar di 1Malaysia Map.
Akaun anda telah berdaftar dan perlu diaktifkan.

Nama pengguna: millareen7974@gmail.com

Klik pautan di bawah untuk mengaktifkan akaun anda [Login](#)

Jika anda gagal membuka pautan di atas, sila salin url di bawah :
<https://www.1malaysiamap.gov.my/1mm/Auth/UserUpdateStatus?UserName=millareen7974%40gmail.com&code=d8913bf8-7541-4727-b5f4-c238537e6536>

Terima kasih.
Sistem Pentadbir

Thank you for registering at 1Malaysia Map.
Your account is created and must be activated before you can use it.

Username: millareen7974@gmail.com

[Click the link to activate the account](#) Login 7

If you failed to open the link above, please copy the url below :
<https://www.1malaysiamap.gov.my/1mm/Auth/UserUpdateStatus?UserName=millareen7974%40gmail.com&code=d8913bf8-7541-4727-b5f4-c238537e6536>


Thank you.
Administrator System



2.1 LOG MASUK

Pengguna berdaftar perlu log masuk untuk akses ke dalam aplikasi. Untuk log masuk, pengguna perlu masukkan alamat emel dan kata laluan seperti berikut:

1. Klik Log masuk ke akaun anda.
2. Masukkan alamat emel dan kata laluan yang betul.
3. Klik butang Log Masuk untuk log masuk ke dalam aplikasi.
4. Klik butang Laman Utama untuk kembali ke halaman utama MyGeoMap.




5. Paparan halaman utama MyGeoMap bagi pengguna berdaftar.



2.2 PROFIL PENGGUNA

Setiap pengguna berdaftar dibenarkan untuk mengemaskini maklumat seperti dalam paparan.


1. Klik Profail Pengguna untuk kemaskini maklumat pengguna.
2. Maklumat yang boleh dikemaskini adalah Nama Penuh sahaja.
3. Klik butang Kemaskini untuk simpan maklumat yang telah dikemaskini.



2.3 TUKAR KATA LALUAN

Pengguna berdaftar boleh menukar kata laluan dengan memasukkan maklumat seperti kata laluan terkini, kata laluan terbaru dan pengesahan kata laluan di kotak yang disediakan dengan cara berikut :

1. Klik Tukar Kata Laluan untuk menukar kata laluan.
2. Masukkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menukar kata laluan.
3. Klik butang Simpan untuk menyimpan maklumat.



Tukar Kata Laluan

Kata Laluan Semasa * Kata Laluan Semasa

Kata Laluan Baru * Kata Laluan Baru


Sahkan Kata Laluan * Sahkan Kata Laluan

Simpan Batal

2.4 LUPA KATA LALUAN

Pengguna berdaftar yang lupa kata laluan boleh menukar kata laluan dengan memasukkan emel yang telah didaftarkan.

1. Klik Log Masuk.
2. Pada paparan Log masuk untuk akses, klik pada pautan Lupa kata laluan untuk menukar kata laluan.



3. Paparan utama untuk menukar kata laluan. Masukkan alamat emel yang telah didaftarkan ke dalam ruangan yang disediakan.
4. Klik butang Hantar untuk set semula kata laluan yang baru di dalam emel.
5. Mesej ini akan dipaparkan.
6. Semak emel dan klik pada pautan Tukar Kata laluan.


Lupa kata laluan

Masukkan e-mel yang berdaftar untuk mendapatkan kata laluan baru.

Masukkan alamat e-mel anda. 3 → 4

Hantar

Laman Utama



7. Masukkan kata laluan yang baru, pengesahan kata laluan baru dan masukkan teks imej captcha ke ruangan yang disediakan.
8. Klik butang Set semula.
9. Paparan mesej "Kata laluan telah berjaya ditukar. Klik di sini untuk log masuk". Klik pautan Log Masuk untuk ke paparan utama log masuk.

Masukkan kata laluan baru untuk reset

Kata Laluan

Sahkan Kata Laluan

Teks Imej Captcha *

RDb48

Gambar teks

Set semula

Laman Utama


A red circle labeled '7' is positioned to the right of the CAPTCHA image. A red box surrounds the 'Set semula' button, and a red arrow points from it to a red circle labeled '8'.

3.0 MENU

Senarai menu-menu utama yang boleh diakses oleh pengguna berdaftar.

3.1 GALERI PETA ASAS


1. Senarai menu pada aplikasi 1Malaysia Map yang boleh diakses oleh pengguna berdaftar.
2. Pada senarai menu, klik Galeri Peta Asas.
3. Senarai peta asas yang ada dalam aplikasi.



4. Klik pada salah satu peta asas dalam senarai Galeri Peta Asas. Contoh: HERE Streets.
5. Paparan peta asas HERE Streets.





4



5


6. Klik simbol + pada peta asas untuk membuat gabungan dua peta asas.
7. Hasil gabungan dua peta asas. Lihat paparan pada kawasan peta.
8. Ubah slider untuk menukar *transparency* di antara kedua-dua peta asas.
9. Klik butang untuk meminimumkan saiz galeri peta asas.
10. Klik butang X untuk menutup galeri peta asas.





3.2 KATEGORI DATA

Menu **Kategori Data** ini membolehkan pengguna untuk mengetahui lokasi bagi setiap kategori yang terdapat di dalam aplikasi MyGeoMap dengan cara berikut :


1. Pada senarai menu, klik Kategori Data.
2. Tanda *v* pada *layer* yang dikehendaki. Di setiap *layer* terdapat sub menu di bawahnya. Apabila tanda *v* pada sub menu (Universiti/Kolej), menu PENDIDIKAN akan tanda *v* secara automatik.





3. Klik di setiap satu *layer* untuk menguji kebolehan berfungsi setiap *layer*. Sebagai contoh, *layer* akan bertukar warna kelabu apabila *Zoom In* pada kawasan peta.
4. Logo bagi Sekolah akan dipaparkan pada kawasan peta. Klik salah satu untuk maklumat sekolah dengan lebih terperinci.



5. Klik butang dan klik Zoom to untuk lebih fokus pada kawasan peta.
6. Klik butang dan klik Transparency untuk menetapkan tetapan peratusan 'transparent'.
7. Klik butang dan klik *Move up* atau *Move down* untuk mengubah *layer* ke atas dan ke bawah.




8. Pada ruangan Cari Alamat dan Tempat, masukkan nama lokasi. Contohnya: sk putrajaya. Klik ikon kanta untuk membuat carian.
9. Terdapat tiga pilihan carian iaitu sama ada menggunakan All, MyGeoMap Geocoder atau Esri World Geocoder. All adalah kombinasi MyGeoMap Geocoder dan Esri World Geocoder. Klik MyGeoMap Geocoder.
10. Hasil carian menggunakan MyGeoMap Geocoder.
11. Klik pada logo sekolah untuk paparan lengkap mengenai sekolah SK Putrajaya Presint 9.




3.3 ALATAN

Menu Alatan terdiri daripada submenu Lukis, Penanda Lokasi, Ukur, Cetak dan Muatnaik Fail.




3.3.1 LUKIS

1. Pada menu Alatan, klik submenu Lukis.
2. Pilih mod lukisan dalam senarai ‘Pilih mod lukisan’ sama ada titik, garisan, polyline dan lain-lain.
3. Terdapat Sampel bagi setiap mod lukisan. Pilih jenis garisan dalam senarai Sampel, tukar warna garisan dalam Warna, pilih jenis garisan dalam Stail, set ketelusan dan juga set lebar garisan.
4. Klik butang Undur untuk kembali, butang Buat Semula untuk set semula dan klik butang Hapus untuk padam lukisan.




5. Klik mod lukis bentuk titik *point* pada kawasan peta asas. Contoh : Shah Alam dan Bandar Seri Putra.
6. Klik mod lukis berbentuk bulatan dan lukis di kawasan peta asas. Contoh : Subang Perdana.
7. Paparan mod lukis berbentuk titik point dan bulatan pada kawasan peta asas.




3.3.2 PENANDA LOKASI

1. Pada menu, klik Alatan dan klik Penanda Lokasi pada senarai submenu.
2. Masukkan nama tempat pada ruangan Nama Lokasi.
3. Klik butang Simpan untuk simpan nama tempat dalam senarai Simpan Sesi.
4. Nama Penanda lokasi yang berjaya disimpan akan disenaraikan pada ruangan Simpan Sesi.





5. Nama tempat yang berjaya di simpan dalam Penanda Lokasi.
6. Terdapat 6 simbol Tindakan dalam Penanda Lokasi. Klik  untuk Papar Semula. Klik  untuk Muat Turun. Klik  untuk Kemaskini nama. Klik  untuk Gerak Ke Atas dan Gerak Ke Bawah. Klik  untuk Padam nama Penanda Lokasi.
7. Klik Muatnaik fail untuk masukkan fail nama Penanda Lokasi yang sedia ada.



8. Pada ruangan peta, klik ikon *Home* untuk set semula paparan peta seperti sediakala.


9. Pada nama Sesi: putrajaya, klik  untuk memaparkan semula kawasan yang telah ditanda.

10. Paparan bagi Penanda Lokasi putrajaya.




3.3.3 UKUR

1. Pada senarai menu, klik Alatan dan klik Ukur pada senarai submenu.
2. Pilih alatan yang digunakan untuk membuat pengukuran pada peta.
3. Pilih warna dan saiz tulisan serta pilih unit bagi kawasan dan jarak.




4. Garisan daripada kawasan Putrajaya ke Bandar Baru Nilai berserta jumlah kilometer dipaparkan.
5. Bentuk bulatan di kawasan peta berserta jumlah ukuran *miles* dan kilometer di paparkan.
6. Klik ikon Hapus untuk memadamkan lukisan dan set semula lukisan baru.





3.3.4 CETAK


1. Pada senarai menu, klik Alatan dan klik Cetak pada senarai submenu.
2. Masukkan nama projek pada ruangan Tajuk.
3. Klik butang *Advanced* dan masukkan maklumat bagi *Scale*, *Layout Metadata*, *Map Size* dan nilai DPI.




4. Klik pada *Layout* dan pilih jenis *layout* yang disediakan.
5. Klik pada format dan pilih jenis format yang telah disediakan.



6. Klik butang Cetak untuk simpan Tajuk.
7. Klik butang  untuk melihat paparan peta yang hendak dicetak. Klik butang  untuk padam nama peta yang dalam senarai untuk dicetak.
8. Hasil paparan peta MyGeoMap yang di cetak.
9. Klik butang Hapus Cetak untuk memadamkan semua senarai peta yang hendak dicetak.




6



7


9




8

3.3.5 MUATNAIK FAIL

1. Pada menu, klik Alatan dan klik Muatnaik Fail pada submenu.
2. Klik tab URL untuk memuatnaik jenis url.
3. Klik jenis URL yang telah disediakan bagi memuatnaik URL.



4. Klik butang CONTOH URL untuk melihat contoh pautan servis yang telah disediakan.
5. Klik butang TAMBAH untuk menambah senarai pautan servis.
6. Klik pada tab Fail untuk memuatnaik jenis fail.



7. Klik butang *BROWSE* untuk memilih fail yang ingin dimuatnaik dari folder.
8. Pilih nama fail dan klik Open.
9. Klik  untuk bantuan jenis fail yang boleh dipilih.
10. Senarai fail adalah seperti berikut.



11. Boleh juga pilih contoh data yang ada dalam senarai untuk dimuatnaik.
12. Klik pada butang LAPISAN untuk melihat fail yang berjaya di muatnaik.
13. Klik pada imej tong sampah untuk memadam fail yang telah dimuatnaik.
14. Klik butang untuk meminimumkan submenu *Upload File*.
15. Klik butang X untuk menutup submenu Muatnaik Fail.

Contoh Data

Sample Data . CSV

Sample Data . SHP

Data Geojson . ZIP

Data GPX . ZIP

Nota: fail untuk format .geojson,.gpx dan .shp perlu di muat turun untuk mula tambah data

11

LAPISAN

12

sample_data (3)



13



14




15



3.4 PETUNJUK ARAH

Menu Petunjuk Arah membolehkan pengguna mengetahui jarak perjalanan dari satu destinasi ke destinasi yang lain melalui cara berikut:



1. Pada ruangan menu, klik ikon Petunjuk Arah.
2. Masukkan nama lokasi di kotak 1 dan 2.
3. Klik ADD DESTINATION untuk menambah lokasi ke 3.
4. Pilih salah satu daripada kaedah Driving Distance, Rural Driving Distance, Driving Time, Rural Driving Time, Walking Distance dan Walking Time.




5. Klik butang *GET DIRECTIONS* untuk dapatkan petunjuk jalan.
6. Paparan jumlah kilometer berserta masa perjalanan.
7. Senarai laluan penuh daripada Perbadanan Putrajaya ke Legoland Johor Bahru. Klik pada nombor laluan untuk zoom masuk pada peta.



8. Paparan penuh laluan daripada Perbadanan Putrajaya ke Legoland, Johor Bahru.
9. Klik butang X untuk menutup paparan menu Petunjuk Arah.
10. Klik butang untuk memminimumkan paparan menu Petunjuk Arah.



8





10


3.5 TAMBAH TEMPAT

Menu Tambah Tempat membolehkan pengguna untuk menambah tempat bagi kawasan banjir dan klinik. Hanya pengguna yang telah berdaftar sahaja yang dibenarkan untuk menggunakan fungsi ini seperti berikut:


1. Pada ruangan menu, klik ikon Tambah Tempat.
2. Terdapat dua lapisan data iaitu banjir atau klinik untuk di tambah pada kawasan peta. Pilih salah satu lapisan data.




3. Klik pada ikon Banjir dan tandakan pada kawasan peta.
4. Masukkan maklumat pelapor di kotak yang disediakan. Maklumat nama pada kotak Nama Pelapor dipaparkan secara automatik.
5. Klik pada butang *Choose File* untuk memuatnaik imej banjir.
6. Klik butang *Delete* untuk memadam maklumat banjir.
7. Klik butang *Save* untuk menyimpan maklumat banjir yang baru.




8. Klik pada ikon Banjir untuk melihat maklumat banjir yang berjaya ditambah.
9. Klik ... pada Laporan Banjir dan klik Papar Koordinat untuk mendapatkan nilai koordinat bagi kawasan yang ditanda.
10. Nilai koordinat latitud dan longitud di paparkan.



11. Klik pada ikon Klinik dan tanda pada kawasan peta.
12. Masukkan maklumat pelapor di kotak yang disediakan. Nama Pelapor dipaparkan secara automatik.
13. Klik pada butang *Choose File* untuk memuatnaik imej klinik.
14. Klik butang *Delete* untuk memadam maklumat klinik.
15. Klik butang *Save* untuk menyimpan maklumat klinik yang baru.




16. Klik pada ikon Klinik untuk melihat maklumat Klinik yang berjaya ditambah.
17. Pada Klinik, klik ... dan klik Papar Koordinat untuk mendapatkan nilai koordinat bagi kawasan yang ditanda.
18. Nilai koordinat latitud dan longitud di paparkan.




3.6 CARIAN LOKASI

Menu Carian Lokasi membolehkan pengguna untuk mengenalpasti lokasi *POI* (*Point Of Interest*) di kawasan tertentu.


1. Pada ruangan menu, klik Carian Lokasi.
2. Pilih salah satu daripada senarai lapisan yang terdapat di ruangan Cari Maklumat. Contoh : Pejabat Kerajaan.
3. Pilih salah satu pilihan untuk menanda tempat pada peta. Seterusnya buat lorekan untuk menanda lokasi pada kawasan peta.



4. Klik tab Keputusan untuk melihat senarai nama Pejabat Kerajaan yang terdapat di dalam kawasan lorekan peta.
5. Senarai carian bangunan kerajaan di dalam kawasan lorekan peta.



6. Imej bangunan kerajaan yang berada dalam kawasan lorekan peta.
7. Klik salah satu bangunan kerajaan untuk mendapatkan maklumat nama pejabat, nama jalan dan nombor telefon seperti paparan.
8. Pada tab Bentuk, klik pautan Set Semula untuk padamkan hasil keputusan.




[Set Semula](#)

8


3.7 MAKLUMAT

Menu Info membolehkan pengguna mendapatkan maklumat lengkap berkaitan aplikasi MyGeoMap.

1. Pada ruangan menu, klik ikon Maklumat.
2. Klik tab PENAFIAN untuk melihat penerangan yang berkaitan.
3. Klik tab MAKLUMAT untuk mengetahui informasi berkaitan aplikasi MyGeoMap.




4. Klik tab FAQ untuk melihat senarai soalan lazim berkaitan aplikasi MyGeoMap.
5. Klik Lihat lagi... untuk mendapatkan lebih banyak soalan FAQ mengenai MyGeoMap.
6. Klik tab Hubungi untuk mengetahui maklumat lengkap berserta nombor telefon pihak MaCGDI.



3.8 MAKLUMBALAS

Menu Maklum balas membenarkan pengguna untuk menghantar sebarang maklum balas atau pertanyaan berkenaan aplikasi MyGeoMap.

1. Pada ruangan menu, klik ikon Maklum balas.
2. Pada borang Tambah Maklum balas, pilih kategori maklum balas sama ada Cadangan, Pertanyaan atau Aduan. Masukkan Subjek dan Komen di ruangan yang disediakan.
3. Klik butang Hantar untuk hantar maklum balas.
4. Klik butang Laman Utama untuk kembali ke halaman utama.



The screenshot shows a form titled 'Tambah Maklumbalas'. It has three input fields: 'Kategori' (Category) set to 'Cadangan', 'Subjek' (Subject) containing 'Subjek', and 'Komen' (Comment) containing 'Komen'. At the bottom are two buttons: a blue 'Hantar' (Send) button with a white arrow icon and a red 'Batal' (Cancel) button with a white cross icon. A red circle with the number '3' points to the 'Hantar' button. To the right, a red bracket groups the 'Laman Utama' (Home Page) button, which is also enclosed in a red box and has a red circle with the number '4' pointing to it.

3.9 PETUNJUK

Menu Petunjuk membolehkan pengguna mengetahui maksud simbol-simbol yang digunakan.

1. Pada ruangan menu, klik ikon Petunjuk.
2. Paparan simbol bagi Klinik dan Banjir (Pengurusan Bencana).



4.0 DWI BAHASA


Aplikasi MyGeoMap menyediakan penggunaan dwi bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Dwi bahasa ini membolehkan pengguna untuk memilih bahasa dengan cara seperti berikut .

1. Klik imej  untuk paparan Bahasa Inggeris.
2. Paparan halaman utama untuk pemilihan Bahasa Inggeris.



3. Klik imej  untuk paparan Bahasa Malaysia.

4. Paparan halaman utama untuk pemilihan Bahasa Malaysia.



5.0 LOG KELUAR

Pengguna yang telah log masuk perlu log keluar selepas selesai menggunakan aplikasi MyGeoMap.

1. Letak mouse pada 'Selamat datang,'
2. Klik pada Log Keluar untuk keluar daripada sistem.
3. Paparan halaman utama sistem selepas log keluar.

